

## Info Program

Program Ukur Bahan mempunyai akreditasi daripada 3 badan antarabangsa iaitu Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), Pacific Association of Quantity Surveyors (PAQS) dan Chartered Institute of Building (CIOB) serta badan tempatan iaitu Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Akreditasi yang diperolehi membolehkan para graduan kita untuk bekerja di Malaysia serta luar negara. Program ini juga mengajar menggunakan Outcome Based Education dan blended learning yang mana pelajar diberi tugas yang mendedahkan mereka kepada projek sebenar yang boleh meningkatkan kemahiran pelajar. Program ini juga diajar oleh pensyarah-pensyarah yang berdedikasi dan mempunyai pengalaman dalam industri serta penyelidikan disamping pensyarah jemputan antarabangsa. Pengambilan pelajar dalam bilangan yang terhad juga membolehkan interaksi yang lebih baik di antara pelajar dan pensyarah. Kursus-kursus yang diajar dalam program ini merangkumi Pengurusan Kos dan Kewangan, Pengurusan Kontrak dan Undang-undang, Pengurusan Perolehan dan Penenderan, Proses dan Teknologi Pembinaan, Pengukuran Kuantiti Berkomputer dan Penjanaan Jadual Bahan, BIM dan Pembangunan Hijau dan Lestari. Perhatian khas juga diberikan dalam pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi lisan, pemikiran kritis, kerja berpasukan dan berdikari. Tujuan utama adalah untuk membina graduan yang penuh keyakinan untuk bekerja di dalam dan luar negara.

## Info Kerjaya

- Juru Ukur Bahan dalam firma konsultan, pembinaan dan pembangunan hartanah.
- Konsultan Tuntutan Kos Pembinaan
- Penimbang Tara